

Nasional

Tebedu rintis usaha gabung sekolah

Penerimaan masyarakat faktor utama atasi dilema sekolah kurang murid

Oleh Muhd Amirul Faiz Ahmad
amifaiz@bh.com.my

Kuching: Penggabungan sekolah kurang murid (SKM) yang pertama di negara ini akan dilaksanakan di daerah Tebedu, Sarawak, membabitkan penggabungan lima sekolah bermula penghujung tahun ini.

Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik, berkata penggabungan SKM cukup mencabar kerana bukan semua pihak berse-

tuju melaksanakan inisiatif berkenaan.

"Penerimaan masyarakat sendiri menjadi faktor utama sama ada penggabungan boleh dilakukan atau tidak, mereka mempunyai ikatan emosi dengan SKM kerana ada sekolah mempunyai 10 atau 20 murid sahaja, maka bila mahu dipindahkan, mereka berasa sayang.

"Ada juga yang bimbang jika penggabungan menyebabkan sekolah kehilangan lesen.

"Kementerian tidak akan membiarkan perkara ini berlaku, terutama membabitkan sekolah mubaligh, Sekolah Jenis Kebangsaan Cina (SJKC) dan Sekolah Jenis Kebangsaan Tamil (SJKT)," katanya selepas meninjau projek bangunan baharu Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Sungai Tapang di sini, semalam.

Maslee diminta mengulas lapo-



Maslee meninjau projek bangunan baharu SMK Sungai Tapang, Kuching, semalam.

(Foto L Manimaran/BH)

ran muka depan BH berhubung penggabungan SKM dan kesianya kepada pendidikan murid.

Difahamkan, projek penggabungan SKM yang kali pertama diadakan itu akan melalui proses pengeluaran tender hujung tahun ini.

Antara SKM digabungkan ialah Sekolah Kebangsaan (SK) Tesu, SK Gahat Mawang dan SK Kujang Sain, dengan dua lagi SKM belum dimuktamadkan.

Semua sekolah berkenaan dijangka ditutup dan dipindahkan ke SK Kujang Mawang, membabitkan peruntukan RM20 juta.

Sarawak mempunyai SKM terbanyak di negara ini, iaitu 651.

Maslee berkata, tinjauan tapak bagi pelaksanaan penggabungan SKM pertama sudah dilakukan bersama Menteri Pelajaran, Sains dan Teknologi Penyelidikan negeri, Datuk Seri Michael Manyin Jawong.

"Penggabungan SKM pastinya memberi keutamaan kepada murid, guru dan ibu bapa. Jika di Sarawak, penggabungan dapat diatasi kerana mereka menyediakan asrama dan itu pun dalam keprihatinan saya," katanya.

Beliau berkata, SKM di Semenanjung mempunyai isu berbeza dan masyarakat memberi kerjasama terutama dalam memberi keutamaan terhadap pendidikan murid.